

19/12/1999

Bicara disambung semula 25 Januari

Khairul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini menetapkan 25 Januari depan untuk perbicaraan kes liwat membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

Hakim Datuk Ariffin Jaka membuat keputusan itu dalam kamarnya semalam selepas berbincang dengan pembela dan pendakwa dalam kes berkenaan.

Peguam bela Anwar, Christopher Fernando dan Pawancheek Marican; peguam bela Sukma Darmawan, Eric Pulsen; serta Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail dan Datuk Azahar Mohamed hadir dalam perbincangan itu.

Anwar dan Sukma Darmawan tidak hadir ketika mahkamah menetapkan tarikh perbicaraan itu.

Perbicaraan itu akan dijalankan sehingga mahkamah membuat keputusan sama ada membebaskan atau mensabitkan kesalahan terhadap kedua-dua tertuduh.

Sementara itu, Fernando memberitahu pemberita pihaknya memerlukan empat atau lima minggu lagi untuk menyelesaikan kes pembelaan.

Beliau berkata, pihaknya juga akan memanggil Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi keterangan selepas Anwar serta Sukma Darmawan selesai memberi keterangan.

Perbicaraan kes liwat itu ditangguhkan pada 16 November lalu kerana Ariffin mendapat cuti sakit.

Pada 18 Oktober lalu, Ariffin memerintahkan Anwar dan Sukma Darmawan membela diri selepas mendapati pendakwa berjaya membuktikan kesnya mengatasi keraguan munasabah.

Anwar dan Sukma Darmawan memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah dalam kandang saksi. Anwar masih belum selesai memberi keterangan membela diri.

Pihak pendakwa yang diketuai Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah sebelum ini menutup kes mereka pada 20 Ogos lalu.

Saksi yang ditawarkan kepada pembela ialah Hakim Kanan Mahkamah Sesyen, Lim Yee Lan; Timbalan Pendakwa Raya, Stanley Augustin; bekas Pengarah Cawangan Khas, Datuk Zulkifli Abdul Rahman; Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Kong Hong Sun.

Asisten Superintendan (ASP) Mohd Rodwan Mohd Yusof; ASP Zulkifli Mohamed; ASP Mazlan Mansor; ASP Wan Ahmad Abas; Cif Inspektor A Rajagopal; Detektif Koperel Razib Mohamed Noh; Detektif Koperel Zaini Mat Piah.

Detektif Koperel Rozlan Yusof; Ahli Kimia Lim Kong Boon; Peguam Mohamed Noor Don; Ummi Hafilda Ali; Dr Ristina Majid; Manjit Kaur; Alijah Che Lah; Lee Mon Swi; dan bekas setiausaha sulit Anwar, Mohd Azmin Ali.

Sepanjang perbicaraan itu, pendakwa memanggil sembilan saksi termasuk bekas Ketua Polis Negara, Tun Mohd Haniff Omar; Hakim Mahkamah Sesyen, Abdul Karim Jalil; Senior Asisten Komisioner I Musa Hassan serta mangsa liwat kes itu, Azizan Abu Bakar.

Sukma Darmawan, 38, yang dihukum penjara enam bulan pada 19 September lalu kerana membenarkan Anwar meliwatnya, didakwa atas tuduhan bersubahat dengan Anwar melakukan persetubuhan luar tabii dengan Azizan Abu Bakar.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di unit nombor 10-7-2, Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, Mei 1992.

Bagi kedua-dua tuduhan itu, Sukma Darmawan didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun sejak 14 April lalu

selepas didapati bersalah atas empat tuduhan melakukan amalan rasuah pada 1997.

(END)